

03 AUG 1997

Bank Negara

BANK NEGARA MENGUMUMKAN GARIS PANDUAN BARU PERTUKARAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Bank Negara Malaysia dalam usaha menghalang serangan spekulatif terhadap ringgit hari ini mengumumkan mulai esok bank-bank di negara ini perlu mematuhi had AS\$2 juta bagi urusan niaga tertunggak pertukaran ringgit yang bukan bersifat komersil dengan setiap pelanggan warga asing atas dasar kumpulan.

Urusniaga pertukaran itu membolehkan sebuah syarikat untuk menukar matawang yang dimilikinya kepada matawang yang ia perlukan.

Bank pusat itu menyatakan langkah itu diperkenalkan selaras dengan objektif mewujudkan persekitaran pelaburan yang stabil dan yang boleh diramalkan bagi pelaburan tulen.

Menurutnya lagi, bank-bank yang telah melampaui had itu tidak akan dibenarkan mengurusniaga dalam pertukaran ringgit bukan bersifat komersil dengan pelanggan-pelanggan asing sehingga jumlah tertunggak dikurangkan ke bawah had itu.

Bagaimanapun, langkah itu tidak mengongkang warga asing yang terlibat dalam perdagangan dan portfolio tulen serta pelaburan terus di Malaysia.

Langkah itu akan membolehkan kadar faedah tempatan menunjukkan keadaan sebenar di negara ini, menurut bank pusat itu lagi.

Bank Negara sebelum ini pernah memperkenalkan langkah yang lebih kurang sama pada pertengahan 1992 untuk menghalang kemasukan tabungan bercorak spekulatif.

Langkah bank pusat itu dilihat sebagai tindakan untuk menghalang serangan spekulatif terhadap matawang negara.

Ringgit yang nilainya lebih kurang RM2.5000 berbanding dolar Amerika pada awal Julai, telah menurun ke 2.6320 Jumaat lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang pulang selepas cuti kerja selama dua bulan bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, pegawai-pegawai Bank Negara dan institusi kewangan lain untuk mencari jalan menangkis serangan spekulatif terhadap ringgit.

Dr Mahathir telah berkata terdapat dalang di sebalik manipulasi ringgit itu dan menamakan jutawan terkemuka dan pembiaya kewangan dari Amerika Syarikat George Soros sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap kemerosotaon nilai matawang beberapa negara Asean termasuk Malaysia. Soros bagaimanapun menafikannya. -- BERNAMA

SHY SHY PR